

ANALISIS KEPERLUAN IMAGINASI KREATIF PRASEKOLAH BERASASKAN LAGU KANAK-KANAK MELAYU TRADISIONAL

Analysis of preschool creative imagination needs based on traditional Malay children's songs

*Nurul Jannah Kamaruddin, Abdul Halim Masnan
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*jannahdin85@gmail.com, abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

Published: 26 July 2023

To cite this article (APA): Kamaruddin, N. J., & Masnan, A. H. (2023). Analysis of preschool creative imagination needs based on traditional Malay children's songs: Analisis keperluan imaginasi kreatif prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak melayu tradisional. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 157–169. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.15.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.15.2023>

ABSTRAK

Kajian ini menerangkan tentang analisis keperluan imaginasi kreatif prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Analisis keperluan penting dalam membangunkan sesuatu produk bagi memastikan produk yang dibina dapat memenuhi keperluan pengguna. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis keperluan dan spesifikasi modul peningkatan imaginasi kreatif (PIK) prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Pendekatan yang digunakan ialah reka bentuk dan pembinaan (*Design and Development Research Approach*) yang telah diperkenalkan oleh Richey and Klein (2007) yang melibatkan empat fasa kajian. Hasil kajian ini diharapkan dapat mengetengahkan sebuah modul peningkatan imaginasi kreatif (PIK) prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak melayu tradisional yang lebih sesuai kepada guru prasekolah di seluruh Malaysia.

Kata kunci: Imaginasi kreatif, lagu tradisional, modul, Reka Bentuk dan Pembinaan (*Design and Development Research Approach*)

ABSTRACT

*This study describes the analysis of preschool creative imagination needs based on traditional Malay children's songs. Analysis of important requirements in developing a product to ensure that the product built can meet the needs of users. This study was conducted to analyze the requirements and specifications of a preschool creative imagination enhancement module (PIK) based on traditional Malay children's songs. The approach used is design and construction (*Design and Development Research Approach*) which has been introduced by Richey and Klein (2007) which involves four research phases. The results of this study are expected to highlight a preschool creative imagination enhancement module (PIK) based on traditional Malay children's songs that is more suitable for preschool teachers throughout Malaysia.*

Keywords: Creative imagination, traditional song, module, Design and Development Research Approach (DDR)

PENGENALAN

Menurut Branch (2009) terdapat beberapa langkah yang terdapat dalam fasa analisis keperluan iaitu mengesahkan wujudnya jurang pencapaian, menentukan matlamat pengajaran, memastikan keperluan pengguna, mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam proses pembangunan seterusnya dan menyediakan pelan pengurusan projek. Fasa analisis keperluan ini sangat penting kerana ia membolehkan pengkaji memahami dengan lebih terperinci mengenai isi yang ingin dikaji dan

memastikan bahawa keperluan pengguna dipenuhi (Mohd Ridhuan & Nurulrabiah, 2020). Selain itu juga, kajian analisis keperluan dapat membantu pengkaji mengenalpasti kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam peningkatan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Sekiranya kajian analisis keperluan dilakukan dengan teliti dan efektif, ia dapat memastikan bahawa pembinaan modul peningkatan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional direka dan dibangunkan dengan memenuhi keperluan pengguna. Ini dapat meningkatkan pengalaman pengguna dan membantu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran dalam peningkatan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Maka dengan itu, fasa penting ini menjadi sandaran kepada pengkaji untuk meneruskan kajian keperluan pembangunan modul untuk guru prasekolah di seluruh Malaysia. Ia juga bagi memastikan reka bentuk dan pembangunan modul ini benar-benar memenuhi tujuan pembangunan bagi menyelesaikan masalah dalam peningkatan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.

Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK 2017), aktiviti pembelajaran yang berteraskan kreativiti dan estetika ini membolehkan kanak-kanak menghayati pelbagai jenis muzik, melakukan gerakan mengikut muzik yang didengar, dan melakonkan pelbagai watak berdasarkan cerita dan melalui aktiviti. Selain itu, kreativiti dan estetika dapat mengaplikasi pengetahuan dalam menghasilkan karya seni secara kreatif dengan menggunakan pelbagai teknik dan bahan. Dengan menggunakan alatan, kanak-kanak bebas untuk melakukan pergerakan berirama, pergerakan bebas dan mencipta pergerakan yang kreatif mengikut irama yang dimainkan (KSPK 2017).

Kecerdasan muzik yang dikupas dalam Teori Kecerdasan Pelbagai menunjukkan kaedah pengajaran melalui nyanyian dapat memberi pengaruh yang besar kepada murid. Menyedari hakikat bahawa kanak-kanak masa kini amat gemar dengan muzik dan nyanyian, maka pengkaji mengaplikasikannya ke dalam suasana yang lebih positif dan berguna untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Malah, penggunaan lagu dalam pengajaran dan pembelajaran memberi impak yang besar dalam meningkatkan minat dan ingatan murid terhadap mata pelajaran (Chang, 2018). Tambahan lagi, kaedah menggunakan nyanyian dalam pengajaran adalah kreatif dan inovatif kerana nyanyian merupakan sebahagian daripada kehidupan murid selain aktiviti bermain (Lestari, 2012).

Menurut Azli Ariffin (2017), lagu yang digunakan sebagai bahan pengajaran dalam kaedah Kodaly (1960) adalah dipilih secara teliti, seboleh-bolehnya lagu rakyat sejati, kerana menurut beliau '*the folk songs of a child's own heritage should be the vehicle of all early instruction*'. Justeru, bahan yang penting dan terbaik untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah menggunakan lagu-lagu yang bermelodikan lagu-lagu rakyat tempatan, lirik lagu sederhana tetapi berupaya menyampaikan maklumat pembelajaran. Lagu tempatan seharusnya menjadi keutamaan sebelum menggunakan lagu dari luar negara.

Kajian terkini oleh Morvafcik dan Nolte (2018) berpendapat bahawa latar belakang berasaskan muzik menjadikan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang baik dan bermakna. Pengajaran dan pembelajaran yang baik dan bermakna dapat dilihat daripada pengalaman kanak-kanak semasa di dalam bilik darjah seperti melakukan aktiviti berkumpulan, muzik bebas dan menyanyi. Pengalaman kanak-kanak ini bukan sahaja sebagai satu gambaran justeru manfaat dan kepentingan kepada pencapaian akademik dan perkembangan kognitif kanak-kanak. Oleh itu, muzik sesuai digunakan dalam penerokaan dalam pengajaran dan pembelajaran oleh kanak-kanak agar pembelajaran menjadi lebih bermakna dan bermanfaat.

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada guru prasekolah tentang keperluan modul yang akan dibangunkan bagi menyelesaikan masalah sedia ada guru. Dalam kajian pembangunan modul, kajian analisis keperluan adalah sebahagian daripada proses kajian reka bentuk dan pembangunan modul. Menurut Richey dan Klein (2007), kekuatan kajian reka bentuk dan pembangunan modul ialah kajian ini digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam konteks yang spesifik. Fasa analisis ialah fasa permulaan kajian iaitu maklumat dalam konteks dan persekitaran yang hendak dikaji dikumpulkan (Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin, 2013). Jadi, sebelum modul dibangunkan, kajian analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui kebarangkalian berlakunya permasalahan. Tujuan fasa analisis adalah untuk mengenal pasti sebab kebarangkalian berlakunya permasalahan (Branch, 2009; Gagne, Wager, Golas, & Keller, 2005) dan melakukan apa yang perlu untuk menyelesaikan masalah (Reinbold, 2013). Fasa analisis keperluan memberikan maklumat yang penting dalam menentukan reka bentuk dan pembangunan bahan instruksi

dalam fasa seterusnya (Gagne et al., 2005). Dalam konteks penyelidikan ini, kajian analisis keperluan dilakukan pada permulaan kajian pembangunan modul peningkatan imaginasi – kreatif (*PIK*) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Bagi memenuhi tujuan ini, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti apakah yang diperlukan guru prasekolah dalam melakukan pendekatan untuk peningkatan imaginasi – kreatif (*PIK*). Prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.

Rashidah (2013) mengatakan fasa analisis merupakan fasa pertama kajian bertujuan untuk mengenal pasti beberapa aspek yang berkaitan dengan kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran berupaya memberi maklumat yang berguna untuk membangunkan modul yang dapat memenuhi keperluan pengguna. Semasa proses reka bentuk dan pembangunan modul, dapatkan analisis keperluan dinilai dan digunakan untuk membangunkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, analisis keperluan dilakukan setelah masalah dikenal pasti dan maklumat tentang perincian dan spesifikasi modul diperoleh daripada guru prasekolah. Menurut Richey dan Klein (2007) analisis keperluan adalah untuk menentukan spesifikasi produk. Jadi, kajian analisis keperluan adalah penting dalam menentukan produk bagaimanakah yang sesuai dihasilkan untuk guru supaya permasalahan sedia ada dapat diselesaikan demi pengajaran yang lebih berkesan. Dapatkan dan cadangan dalam fasa analisis digunakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul (DeWitt, 2010). Fasa analisis memberikan maklumat yang penting untuk digunakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul seterusnya (Gagne et al., 2005). Maklumat hasil analisis keperluan digunakan untuk menentukan kandungan bahan instruksi secara optimal dan kaedah penyampaian pengajaran (Richey & Klein, 2007).

Analisis keperluan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak Melayu tradisional amat relevan kerana dapat menyokong dan melengkapkan lagi kurikulum yang sedia ada untuk kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Pembelajaran menggunakan modul sudah semakin popular di Malaysia. Banyak kekuatan didapati dalam modul seperti strategi pembelajaran materi yang sesuai untuk pembelajaran kendiri pelajar (Amani Dahaman@Dahlan, 2014, Thing, 2009). Pembelajaran yang berstruktur melalui modul boleh meningkatkan kemahiran dan kreativiti (Amani Dahaman@Dahlan, 2014), mewujudkan pembelajaran yang menarik, mudah diikuti, memudahkan pengajaran dan pembelajaran serta menambahkan pengetahuan dan pengalaman baru (Siti Zuraida Maaruf, 2014). Ini menunjukkan bahawa pendidikan di Malaysia sudah memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul kerana kebaikan modul yang membantu pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan Abdul Rasid Jamian, Hasmah Ismail. (2013). Walau bagaimanapun masih belum ada pembelajaran yang meningkatkan Imaginasi – kreatif Prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional yang menggunakan modul untuk guru prasekolah.

Rasional kajian ini dijalankan adalah untuk perkembangan dan peningkatan tahap imaginasi kreativiti kanak-kanak yang lebih kreatif dan inovatif. Dalam usaha kita untuk meningkatkan tahap pengetahuan murid dalam pelbagai disiplin ilmu, mereka perlu juga diajar tentang kemahiran berfikir dan bagaimana ianya boleh membantu mereka untuk menyelesaikan masalah seharian. Mellou (1995) menjelaskan bahawa guru yang kreatif dalam pengajarannya dapat memupuk dan menyuburkan tahap kreativiti kanak-kanak di samping persekitaran dan program-program yang kreatif.

Analisis keperluan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional ini sebagai salah satu cara pengajaran dan pembelajaran yang semakin popular dan menyeronokkan. Kebolehgunaannya juga sebagai medium pengajaran dan pembelajaran yang telah diaplikasikan dengan meluas dalam pelbagai bidang seperti pembelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam.

Secara asasnya, imaginasi dikenal pasti sebagai keupayaan membentuk imej dan ilusi intelektual terhadap objek yang dilihat atau objek yang tidak wujud pada masa itu atau memang tidak wujud sama sekali (Budak, 2000). Barrow (1988) mengatakan bahawa lazimnya perkataan imaginasi sering dikaitkan dengan kecenderungan untuk berkhayal dan berfantasi, introspektif, penglipurlara yang baik, sensitif dan juga kreatif. Rowe (2004) telah menyatakan bahawa imaginasi adalah satu bahagian penting dalam kecerdasan kreatif dan merupakan sebagai alat berkesan yang membantu untuk memahami alternatif dan juga untuk membuat visualisasi. Craft (2002) pula menjelaskan bahawa imaginasi dan kreativiti kedua-duanya berkaitan dengan niat, bebas dari peraturan dan pembawaan dan memasukkan kemungkinan pemikiran sambil menambah bahawa imaginasi boleh menjadi pra-syarat kepada kreativiti. Mellou (1995) menyatakan bahawa imaginasi dan kreativiti saling berhubung kait kerana hubungan asas kedua-duanya adalah berdasarkan kepada realiti dalam menyediakan alternatif

dan kemungkinan untuk berinovasi dan membuat perubahan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional yang berfokuskan kepada fasa satu sahaja iaitu berkaitan dengan kajian pembinaan modul peningkatan imaginasi kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017 (KSPK), pemupukan daya imaginasi dan kreativiti adalah merupakan dua elemen yang sering dihubungkait dan dipadankan. Dalam KSPK, kemahiran berfikir kreatif dijelaskan sebagai kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2016). Dalam Elemen Merentas Kurikulum (EMK), kaitan antara imaginasi dan kreativiti turut dibincangkan dalam KSPK. Kreativiti dianggap sebagai kebolehan seseorang menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu. Di samping itu juga, peranan imaginasi dan kreativiti turut dinyatakan pada tunjang perkembangan fizikal dan estetika. Perkembangan kreativiti dan estetika dikembangkan melalui didik hibur iaitu melibatkan pendidikan muzik, drama dan seni visual. Aktiviti seni ini akan dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka melalui penggunaan pelbagai bahan dan teknik bagi meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti secara semula jadi (KPM, 2016).

Menurut Azlin bin Ariffin, (2017) kejayaan pembinaan kreativiti di sekolah adalah berdasarkan kepercayaan guru terhadap konsep kreativiti itu sendiri dan juga amalan pengajaran guru di dalam kelas. Namun, tekanan daripada pihak tertentu dan berkepentingan telah menyebabkan guru-guru lebih menumpukan kepada pembelajaran hafalan huruf dan nombor (Astriya & Kuntoro, 2015; Moyles, 2014; Prentice, 2000). Trend ini telah membawa kepada penurunan kreativiti di peringkat awal zaman kanak-kanak. Situasi ini sebenarnya amat membimbangkan kerana pembangunan kreativiti kanak-kanak adalah bermula pada peringkat awal umur mereka (Kim, 2011). Penekanan yang berlebihan terhadap pengajaran huruf dan nombor telah memaksa kanak-kanak untuk duduk secara senyap dan hanya mendengar. Pengajaran seperti ini menyebabkan peluang kanak-kanak untuk berangan, berimajinasi, dan bermain akan tersekat. Ini sebenarnya akan menyebabkan ekspresi kreatif kanak-kanak terhalang dan terbantut.

Menurut Duna (2015) penyelidikan dan teori kreativiti pada masa kini banyak menumpukan kepada kanak-kanak di sekolah rendah, berbanding dengan dengan kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka dan mengkaji kreativiti bagi pendidikan awal kanak-kanak, terutamanya bagi kanak-kanak yang berumur 0 hingga enam tahun. Maka, berdasarkan kepada penerangan dan perbincangan di atas, sudah sampai masanya satu kajian dijalankan bagi menghasilkan satu modul yang dapat dijadikan sebagai satu panduan kepada guru-guru prasekolah dalam memastikan perkembangan imaginasi dan seterusnya kreativiti kanak-kanak dapat ditingkatkan dengan lebih jelas, tersusun dan terancang. Dengan terbinanya satu modul peningkatan imaginasi kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak tradisional akan dapat memperlengkap dan memperkemaskan lagi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan sebagai satu kurikulum prasekolah yang benar-benar komprehensif dalam mempertingkatkan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah. Justeru itu, pengkaji berasa sangat perlu kajian ini dijalankan bagi memastikan usaha untuk melahirkan individu kreatif dan inovatif melalui kehebatan imaginasi yang akan dapat direalisasikan.

Guru prasekolah sebagai pelaksana kurikulum memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha memupuk dan merangsang kreativiti dalam kalangan kanak-kanak. Kreativiti dan inovasi amat dituntut untuk melahirkan generasi murid berfikiran kelas pertama yang mampu bersaing dalam persekitaran abad ke-21. Oleh itu, usaha bagi menggalakkan kanak-kanak berfikir secara kreatif mestilah dimulakan di peringkat Prasekolah kerana inilah masa yang paling sesuai untuk menyediakan asas bagi pelaksanaan pendidikan seterusnya. Daya kreativiti dan inovasi kanak-kanak perlu dipupuk dan 35 Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Vol. 3, No.1 (2019), 34-48 eISSN: 2600-7622 dibangunkan ke paras optimum agar mereka sedar tentang potensi dan kecenderungan diri, seterusnya dapat mencungkil bakat yang ada dalam diri, berdaya cipta dan berkemampuan

menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti agar menjadi amalan dan budaya dalam kehidupan pada masa hadapan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Pemupukan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sebahagian besarnya bergantung kepada amalan pengajaran guru dalam pendidikan kreativiti seperti autonomi tugas, tindak balas penilaian dan penghargaan (Chein & Hui, 2010). Justeru, pemupukan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak menuntut kesungguhan dan komitmen yang tinggi daripada guru. Namun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa guru lebih suka kepada murid yang mempunyai ciri-ciri yang tidak kreatif seperti kepatuhan dan penerimaan yang tidak berbelah bahagi terhadap guru, dan mengenakan denda kepada kanak-kanak dengan tujuan untuk mengawal disiplin kelas (Norsita & Zainal, 2014; Beghetto & Kaufman, 2011).

Kajian Jingbo dan Elcker (2005) menunjukkan bahawa guru memberikan respon yang negatif dalam 80 peratus kejadian yang diperhatikan apabila kanak-kanak melahirkan idea mereka sendiri. Manakala hasil kajian Al-Thani (2010) pula menunjukkan guru-guru Prasekolah tidak menggabungkan kemahiran pemikiran kreatif dalam pengajaran mereka. Kelemahan dalam aspek amalan pengajaran boleh mempengaruhi perkembangan sosial, kognitif dan perkembangan kreativiti kanak-kanak, seterusnya akan menentukan kesediaan mereka untuk ke sekolah (Bierman, Domitrovich & Darling, 2009).

Menurut pengkaji terdahulu (antaranya Dababneh et al, 2010; Farella, 2010; Makhmalbaf & Do, 2007; Yeh & Li, 2008), menegaskan bahawa kajian secara empirikal berkaitan dengan kreativiti yang mengkhusus kepada kanak-kanak Prasekolah masih kurang dilaksanakan dan sering diabaikan. Oleh itu penyelidik mengambil inisiatif menjalankan kajian terhadap perkaitan antara amalan pengajaran guru dengan imaginasi kreativiti kanak-kanak Prasekolah untuk menambahkan literatur dan mengisi kelompongan yang ada iaitu kekurangan kajian empirikal terhadap kreativiti kanak-kanak Prasekolah sebagai sampel kajian. Selain itu, di harapkan kajian ini dapat menyumbang ke arah penambahbaikan kualiti pedagogi guru Prasekolah dan seterusnya merangsang perkembangan kreativiti kanak-kanak.

OBJEKTIF KAJIAN

Sasaran pertama berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan adalah untuk pengumpulan maklumat tentang analisis keperluan imaginasi kreatif prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Objektif bagi fasa satu adalah analisis keperluan yang mensasarkan tentang perlunya mewujudkan modul peningkatan imaginasi – kreatif (*PIK*) Prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.

CADANGAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dicadangkan untuk dilaksanakan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research Approach* (DDR) yang dipelopori oleh Richey dan Klein (2007). Richey & Klien (2007) menyatakan bahawa penggunaan pendekatan DDR adalah sangat sistematis yang melibatkan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian berdasarkan kajian empirikal. Menurut Richey (2004) terdapat dua jenis kajian dalam kajian pembangunan iaitu jenis satu, mengenai proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian produk yang spesifik dan jenis dua adalah mengenai proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian modul. Ellis & Levy (2010) juga menyatakan bahawa pendekatan DDR dapat dijadikan panduan dalam penyelidikan kerana dapat menghasilkan teori baru dalam menyelesaikan masalah. Selain itu juga, reka bentuk dan pengembangan modul baru di setiap bidang pengajaran dan pengembangan kaedah serta proses baru dalam modul pelaksanaan atau peralatan yang sedia ada.

Kajian DDR ini pada dasarnya mengandungi empat fasa komprehensif. Fasa pertama dikenali sebagai fasa analisis keperluan. Jadual 1 memperincikan kajian dan kaedah yang boleh diaplikasikan semasa fasa analisis keperluan dilaksanakan.

Jadual 1: Kerangka asas kaedah dan metodologi dalam analisis keperluan

Kajian	Projek (Pendekatan)	Kaedah yang diaplikasi
Produk dan alat (<i>tool</i>)	Reka bentuk komprehensif dan pembangunan projek	Kajian kes, analisis kandungan, Penilaian, Pemerhatian lapangan, temu bual (<i>indepth interview</i>)

Sumber: Richie dan Klein (2007)

Jadual 2 di bawah pula adalah ringkasan huraian bagi fasa analisis keperluan yang diaplikasikan dalam modul Peningkatan Imagination Kreatif (PIK) Prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak Melayu tradisional.

Jadual 2: Fasa satu analisis keperluan modul Peningkatan Imagination Kreatif (PIK) Prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak Melayu tradisional

Fasa 1 : Analisis Keperluan	Analisis keperluan Modul Peningkatan Imagination Kreatif (PIK) Prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak Melayu tradisional Fasa untuk mengenal pasti keperluan untuk pembinaan modul kajian ini dan untuk pemetaan modul dengan menemubual pakar menggunakan temubual separa struktur dan set soalan terbuka (<i>open ended questionnaire</i>)
-----------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Berdasarkan Jadual 2, fasa pertama reka bentuk kajian iaitu fasa analisis keperluan dilaksanakan untuk mengenal pasti keperluan dan pemetaan modul kajian iaitu modul Peningkatan Imagination Kreatif (PIK) Prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak Melayu tradisional. Kaedah yang digunakan adalah temu bual separa struktur dengan menggunakan instrumen protokol temu bual yang melibatkan beberapa orang pakar yang terdiri daripada Pensyarah Fakulti Pendidikan dan juga tenaga pengajar prasekolah. Transkrip temu bual yang disahkan oleh informan dianalisis mengikut persoalan kajian fasa tersebut.

Dalam kajian lapangan, analisis kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu menemubual guru prasekolah menggunakan temubual separa struktur dan set soalan terbuka (*open ended questionnaire*). Bagi temu bual, ia akan dilakukan secara bersemuka dan per informan. Manakala bahagian kedua iaitu soalan terbuka pengkaji menggunakan google form. Aplikasi google form ini di berikan secara rawak kepada guru prasekolah seluruh Malaysia dan mereka secara sukarela menjawab soalan terbuka.

Instrumen kajian ini ialah temubual dan soal selidik menggunakan soalan terbuka. Instrumen berbentuk soal selidik boleh dibina sendiri oleh penyelidik atau diadaptasi daripada penyelidik lain (Azjen, 1991; Armitage & Corner, 2001). Pendekatan kaedah soal selidik dilihat sebagai satu kaedah yang boleh memberi panduan untuk dibahagikan kepada dua bahagian iaitu latar belakang guru prasekolah dan keperluan pembinaan modul Peningkatan Imagination Kreatif (PIK) Prasekolah berdasarkan lagu kanak-kanak Melayu tradisional dari segi keperluan, kesesuaian tajuk serta aspek isi kandungan, aktiviti, penilaian dan bahan yang perlu ada dalam modul yang akan dibina. Soal selidik ini juga melihat aspek sikap terhadap pembelajaran tenaga, pengalaman semasa pembelajaran iaitu kesukaran dan perasaan serta strategi pembelajaran yang mereka harapkan. Hasil analisis soal selidik ini sangat penting untuk melihat keperluan pembelajaran kanak-kanak prasekolah dan keperluan pembangunan modul khususnya.

Sebelum proses pengumpulan data untuk kajian keperluan dilaksanakan, penyelidik terlebih dahulu membuat permohonan menjalankan penyelidikan terlebih dahulu dan mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pentadbiran Sekolah yang terlibat. Temu bual akan dilaksanakan secara individu ke atas beberapa orang guru prasekolah.

Temu bual separa struktur yang akan dijalankan dalam fasa ini mengikut formatif tematik yang memfokuskan kepada analisis kualitatif bagi data temu bual (Catherine, 2015). Temu bual separa berstruktur yang digunakan ini memberi peluang kepada peserta kajian menyuarakan pendapat mengikut idea sendiri dan hasil data kualitatif yang diperolehi pula boleh dipercayai (Cohen, 2008). Selepas temu bual dijalankan, analisis terhadap transkrip temu bual akan dilakukan untuk melihat makna dan maklum balas peserta kajian. Analisis tema bagi keseluruhan transkrip dilakukan dengan membuat perbandingan daripada kesemua peserta kajian guru prasekolah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, sebanyak tujuh tinjauan literatur telah dikenal pasti sebagai maklumat penting yang bersesuaian dengan analisis kajian keperluan.

Jadual 3: Kajian yang dijalankan mengenai Peningkatan imaginasi kreatif, kreativiti, dan pengajaran kreatif

Tajuk Kajian	Metodologi Fokus	Penyelidikan	Dapatkan Kajian
Hubungan Kreativiti Guru Memupuk Tingkah Laku dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21 (Apak & Taat, 2018)	Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 dalam kalangan guru sekolah di sekolah menengah harian yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan di Sabah, Malaysia	Penyelidikan bukan eksperimen ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggabungkan beberapa teknik persampelan kebarangkalian untuk mendapatkan sampel.	Analisis deskriptif menunjukkan bahawa pemupukan kreativiti guru dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 diamalkan pada tahap yang tinggi.
Hubungan Persekuturan Rumah, Amalan Pengajaran Guru, Kecekapan dan Penerimaan Sosial dengan Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah di Selangor, Malaysia (Ali, 2018)	Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kecekapan dan penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah di Selangor. Ia juga bertujuan untuk menerokai halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah.	Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh dapatan kualitatif. Sampel kajian kuantitatif terdiri daripada 386 kanak-kanak prasekolah di Selangor yang dipilih dengan menggunakan persampelan rawak kluster berstrata. Reka bentuk kajian ini adalah tinjauan menggunakan soal selidik dan ujian kreativiti. Data dianalisis	Hasil analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kreativiti kanak-kanak prasekolah berdasarkan lokasi dan jantina. Analisis ujian Anova sehala juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kreativiti berdasarkan tahap pendapatan keluarga dan kelayakan akademik ibu bapa. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara

		<p>menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) 20.</p> <p>Melalui analisis regresi berganda Stepwise, didapati amalan pengajaran guru merupakan penyumbang terbesar kepada kreativiti kanak-kanak, iaitu sebanyak 34.7%. Ini diikuti oleh persekitaran rumah yang menyumbang 4.9% dan kecekapan diri sebanyak 2.3%.</p> <p>Kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes telah dijalankan dengan menemu bual 12 orang peserta yang terdiri daripada guru prasekolah, ibu dan kanak-kanak prasekolah. Melalui analisis tematik dapatkan temu bual, didapati terdapat empat punca utama yang menghalang pemupukan kreativiti kanak-kanak prasekolah iaitu guru, ibu bapa, kesediaan kanak-kanak dan halangan fizikal.</p>	
<p>Memupuk Kreativiti dalam Kanak-kanak Kecil: Kajian Kes Amalan Pengajaran Untuk Kreativiti di Tadika Islam (Mokhlis, 2019)</p>	<p>Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran kreativiti untuk menyuburkan perkembangan kreativiti kanak-kanak.</p> <p>Kerangka konsep kajian ini adalah berdasarkan model pengajaran berkesan Slavin (1995).</p>	<p>Ini merupakan kajian kes yang melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual dengan seorang guru prasekolah di sebuah tadika Islam yang berpengalaman mengajar selama lebih 20 tahun. Analisis rangka kerja digunakan untuk menganalisis</p>	<p>Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kreativiti boleh dipupuk dan dipertingkatkan melalui amalan pengajaran yang berkesan.</p> <p>Empat elemen model pengajaran yang dikemukakan oleh Slavin (1995), iaitu kualiti pengajaran, tahap pengajaran yang sesuai, insentif dan masa,</p>

		data.	menyumbang kepada penjanaan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran berdasarkan Kreativiti Orang Asli Dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah (Harun, Abdul Rahman, Mansor, & Muhamad, 2020)	Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pengurusan pengajaran dan pembelajaran kreativiti orang asli dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah.	Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual yang melibatkan pensyarah orang asli, pensyarah prasekolah, pensyarah pendidikan awal kanak-kanak dan aktivis orang asli.	Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kreativiti orang asli yang sesuai diterapkan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran ialah budaya dan warisan, kesenian dan kraf, lagu-lagu cerita rakyat "Sewang", herba ubatan dan peralatan harian. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kaedah yang paling sesuai dilaksanakan oleh seseorang guru dalam pengajaran dan pembelajaran ialah melalui lakonan, cerita, lagu dan hubungan dengan alam.
Imaginasi dalam Pembelajaran Abad ke 21: Suatu Perspektif Baru (Nurdiana Abdullah, & Johari Surif, 2018)	artikel ini bertujuan untuk menerangkan peranan imaginasi dalam dunia pendidikan abad ke-21	Perbincangan ini diharap membuka minda semua pihak terhadap peranan besar imaginasi dalam dunia pendidikan terutamanya ke arah menjayakan pembelajaran abad ke-21	Imaginasi juga dilihat sebagai asas bagi pembelajaran kerana penemuan memerlukan tahap pemikiran kreatif yang tinggi. Kesemua ini memberi implikasi ke arah penglibatan imaginasi dalam pembelajaran abad ke-21.
Daya Kreativiti Kanak-kanak: Satu kajian kes (Wan Muna Ruzanna Wan Mohammada, & Vijayaletchumy Subramaniam, 2013)	Kajian "Daya Kreativiti Kanak-kanak" adalah bertujuan untuk mengenal pasti instrumen atau bahan yang bersesuaian untuk membina dan merangsang kreativiti kanak-kanak dan untuk menganalisis tahap kefahaman kanak-kanak melalui instrumen yang diuji.	Kaedah kualitatif dengan menganalisis cerita secara deskriptif	Tiga instrumen yang boleh menarik minat kanak-kanak sekali gus membina daya kreativiti mereka iaitu instrumen buku cerita, lagu kanak-kanak Melayu tradisional dan juga alat permainan. Penceritaan semula cerita yang memperlihatkan kreativiti mereka dalam mencipta kosa kata yang baru.

<p>Reka bentuk model aktiviti penggunaan lagu kanak-kanak Melayu tradisional untuk peningkatan imaginasi kreatif Pra Sekolah (Azli Ariffin, 2018)</p>	<p>Tujuan metodologi ini digunakan adalah untuk membangunkan model imaginasi-kreatif kanak-kanak.</p>	<p>Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada tiga fasa: 1) fasa analisis keperluan bagi mendapatkan maklumat berkaitan keperluan terhadap pembangunan dan kandungan model imaginasi-kreatif kanak-kanak; 2) fasa pembangunan dan pembinaan model imaginasi-kreatif kanak-kanak; dan 3) fasa penilaian model</p>	<p>Dapatkan fasa pertama menunjukkan bahawa terdapat keperluan terhadap pembinaan model imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah. Responden memilih sangat setuju. Model ini sesuai digunakan kerana mempunyai tahap kebolehgunaan yang tinggi.</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Merujuk kepada Jadual 3, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan tema pengajaran kreatif, kreativiti dan indeks guru pemupukan kreativiti. Kesemua kajian masing-masing membincangkan keperluan pengajaran kreatif dan domain untuk memupuk kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan analisis kajian dalam Jadual 3, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa domain penting yang perlu dikuasai oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, bagi melahirkan pelajar yang aktif dan mewujudkan persekitaran bilik darjah yang berkualiti tinggi.

Menurut kajian Hanafi, Ramli, dan Musa Kahn (2013) yang menggunakan modul bertema untuk meningkatkan kreativiti pelajar dalam pembelajaran seni visual di peringkat prasekolah. Pertandingan atau pertandingan untuk pelajar yang diadakan oleh guru menggunakan modul bertema menunjukkan tidak semestinya pelajar boleh berfikir secara kreatif. Ini kerana pelajar dipantau dengan ketat, dan mereka juga terikat dengan peraturan bilik darjah. Ini boleh mengganggu tumpuan pelajar dan menyekat kreativiti mereka. Sebaliknya, guru harus memberi kebebasan kepada pelajar untuk menentukan tahap kreativiti mereka sendiri. Pelajar juga perlu diberi kebebasan ketika melakukan kerja kreatif melalui modul bertema, sambil dibimbing oleh guru untuk menjana idea.

Rasional kajian ini dijalankan adalah untuk perkembangan dan peningkatan tahap imaginasi kreativiti kanak-kanak yang lebih kreatif dan inovatif. Dalam usaha kita untuk meningkatkan tahap pengetahuan murid dalam pelbagai disiplin ilmu, mereka perlu juga diajar tentang kemahiran berfikir dan bagaimana ianya boleh membantu mereka untuk menyelesaikan masalah sehari-hari. Mellou (1995) menjelaskan bahawa guru yang kreatif dalam pengajarannya dapat memupuk dan menyuburkan tahap kreativiti kanak-kanak di samping persekitaran dan program-program yang kreatif.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian untuk melihat perkembangan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepada dalam pelbagai aspek melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan subur melalui pendekatan yang seronok, kreatif dan bermakna. Tujuannya juga adalah untuk menyediakan kanak-kanak yang mampu dan bersedia untuk menangani sebarang bentuk cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Dalam memastikan pendekatan yang seronok, kreatif dan bermakna, sudah pastilah ianya terletak pada kemampuan guru untuk melaksanakannya. Dengan adanya pelbagai pendekatan yang bersifat kreatif dan menyeronokkan, sudah pasti perkembangan potensi kanak-kanak akan dapat dilaksana dengan lebih berkesan. Misalnya melalui aktiviti yang berkaitan dengan didik hibur yang dijalankan di dalam kelas, akan dapat menyumbang kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak dari segi intelek, emosi, fizikal, sosial dan estetika. Ini adalah

kerana kegiatan yang berkaitan dengan didik hibur adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti harian mereka seperti menyanyi, bergerak, menari, main peranan, main alat muzik dan juga menghasilkan bunyi-bunyian mereka sendiri.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut jelas menunjukkan bahawa usaha untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui pembinaan modul yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat dan negara perlulah dipergiatkan lagi. Pembinaan modul yang mengambil kira faktor tempatan seperti cita rasa, kehendak dan kemampuan kanak-kanak itu sendiri sudah pastinya dapat memudahkan proses pengajaran guru dan juga pembelajaran kanak-kanak di Prasekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan di sini bahawa daptan kajian analisis keperluan ini menjawab persoalan kajian seperti yang dinyatakan. Implikasi yang positif amatlah diharapkan daripada daptan kajian. Analisis keperluan adalah mengenal pasti maklumat tentang kandungan dan aspek kandungan modul yang akan dibangunkan. Penyelidik perlu melakukan kajian analisis keperluan bagi mengumpul maklumat tentang konteks dan situasi kajian. Guru prasekolah dipilih sebagai pengguna sasaran keperluan pembinaan modul. Menurut Aliza dan Zamri (2017) modul yang dibangunkan perlu mengambil kira masalah yang dihadapi oleh guru dan keperluan sedia ada supaya modul yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan guru. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa daptan kajian analisis keperluan ini menjawab persoalan kajian seperti yang telah dinyatakan. Fasa seterusnya dapat diteruskan bagi merilisasiakan pembangunan modul peningkatan imaginasi – kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (*The Implementation Fun Learning in Teaching and Learning Malay Language*). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (*Malay Language Education Journal-MyLEJ*) Vol. 3, Bil. 2 (Nov. 2013): 49-63
- Al-Thani, T. J. (2010). *Investigating teachers' practices of creative thinking skills in Qatari preschools*. The International Journal of Learning, 17(5)
- Amani Dahaman @ Dahan. (2014). Pembangunan modul m-pembangunan Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru. (Disertasi ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Astriya, B. R. I., & Kuntoro, S. A. (2015). Pengembangan Kreativitas Dan Minat Belajar Anak Usia 3-4 Tahun Melalui Permainan Konstruktif. Jurnal Pendidikan dan Pemberdayaan Masyarakat, 2(2), 131-144.
- Azhar Abd. Hamid (2004). Kreativiti: Konsep Teori & Praktis: UTM.Johor D.T. Cates, W.M. (1990). *Panduan amali untuk penyelidikan pendidikan*. {S. Abdullah, Trans., A Practical guide to educational research}. Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Allyn and Bacon.
- Azli Ariffin (2017) Reka Bentuk Model Aktiviti Penggunaan Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional Untuk Peningkatan Imagination-Kreatif Prasekolah. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
- Barrow, R. (1988). *Some observations on the concept of imagination*. In K. Egan & D. Nadaner (Ed.), *Imagination and education* (pp. 79-90). New York: Teachers College Press
- Beestlestone, F.(1998). *Learning in the early years: creative development*. Scholastic, Leamington Spa.
- Beghetto, R. A., & Kaufman, J. C. (2011). *Teaching for creativity with disciplined improvisation*. In R. K.Sawyer (ed.), *Structure and improvisation in creative teaching* (pp. 94-109). New York, NY:Cambridge University Press
- Bierman, K.L., Domitrovich, C., & Darling, H. (2009). *Early prevention initiatives*. In J. Roopnarine & J. Johnson (Eds.), *Approaches to early childhood education* (5th ed.) (p. 147-164). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education
- Budak, S. (2000). Psikoloji sözlüğü [Dictionary of Psychology]. Ankara: Bilim ve Sanat Yayınları.
- Chang, P. C. (2018). Penggunaan Lagu dalam Meningkatkan Minat dan Ingatan Murid Tahun Tiga Terhadap Topik Gigi Manusia di Kuching. Buku koleksi artikel penyelidikan atas talian Sains tahun 2018. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang: Kuching, Sarawak.

- Chien, C. Y., & Hui, A. N. (2010). *Creativity in early childhood education: Teachers perception in three Chinese societies*. Thinking Skills and Creativity, 5(2), 49-60.
- Craft, A. (2002). *Creativity and early years education: A lifewide foundation*. London: Continuum.
- Cropley, A. J. (2001). *Creativity in education and learning: A guide for teachers and educators*. Kodan Page Limited. UK
- Dababneh, K., Ihmeideh, F. M., & Al-Omari, A. A. (2010). *Promoting kindergarten children's creativity in the classroom environment in Jordan*. Early Child Development and Care, 180(9), 1165-1184.
- Duna M. Alkhudair (2015). *Early Childhood Teachers' Approaches to the Development of Young Children's Creativity*. Unpublished phd's Thesis. The College of William and Mary in Virginia
- Ellis, T. J., & Levy, Y. (2010). A guide for novice researchers: Design and development researchmethods. *Proceedings of Informing Science & IT Education Conference*, (10), 107–118.<https://doi.org/10.1109/TDEI.2009.5211872>
- Hu, W., & Adey, P. (2002). *A scientific creativity test for secondary school students*. International Journal of Science Education, 24(4), 389-403.
- Jingbo, L. & Elicker, J. (2005). *Teacher-child interaction in Chinese kindergartens: an observational analysis*. International Journal of Early Years Education, 13 (2), 129-143.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kim, K. H. (2011). *The creativity crisis: the decrease in creative thinking scores on the Torrance tests of creative thinking*. Creativity Research Journal, 23(4), 285— 295. doi:10.1080/10400419.2011.627805.
- Lestari. (2012). Nyanyian Sebagai Metode Pendidikan Karakter Pada Anak. Prosiding Seminar Nasional Psikologi Universiti Muhammadiyah Surakarta.131-136
- Makhmalbaf, A. & Do, E. Y-L. (2007). *Physical environment and creativity: Comparing children's drawing behavior at home and at the bookstore*. In Proceeding of IASDR, Hong Kong Polytechnic University School of Design, <http://www.sd.polyu.edu.hk/iasdr/>. [16 Mei 2013]
- Mellou, E. (1995). *Creativity: The imagination condition*. Early Child Development and Care, 114 (1), 97-106.
- Meor Ibrahim Kamaruddin & Assaadah Mohamad. (2011). Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UTM. *Journal of Education Psychology and Counseling*, 2, 51-77.
- Moravcik,E.,& Nolte,S. (2018). *Meaningful curriculum for young children (2nd ed.)*. New York,NY:Pearson Education.790
- Norsita Ali & Zainal Madon (2014). Tinjauan awal interaksi guru–kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah. Proceeding of the International Conference on SocialScience Research (ICSSR) 2014, Sabah, 9-10 Jun 2014.
- Ramlan, M. & Ghazali, D.(2018). Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Sains Sosial.Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Richey, R. C. & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies and issues*. London, UK: Routledge.
- Richey, R. C., Klein, J. D. & Nelson, W. A. (2004). *Developmental research: studies of instructional design and development*. In D. H. Jonassen (Ed.), *Handbook of research on educational communication and technology* (2nd ed.) (pp. 1099- 1130). Mawah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Rowe, A. J. (2004). *Creative intelligence: Discovering the innovative potential in ourselves and others*. Upper Saddle River, N. J. : Pearson/Prentice Hall.
- Siti Zuraida Maaruf. (2014). Pembangunan modul pedagogi responsif budaya kraf tradisional pendidikan seni visual sekolah menengah. (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Saedah, S., Muhammad Ridhuan, T. L. A., & Rozaini, M. R. (2020). Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (PRP): Aplikasi kepada Penyelidikan Pendidikan. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Sukor, B., Marinah, A. & Ramlee, I. (2020). Pembangunan Model Kompetensi Pemimpin Pertengahan: Satu Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan, *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, Volume: 2 (1).
- Williams, B., & Walker, L. (2003). *Facilitating perception and imagination in generating change through reflective practice groups*. Nurse Education Today, 23, 131-137.
- Wilner, E. (1975). *Gathering the winds: Visionary imagination and radical transformation of self and society*. Baltimore: The Johns Hopkins University Press.

- Yeh, Y-C. & Li, M-L. (2008). *Age, Emotion Regulation Strategies, Temperament, Creative Drama, and Preschoolers' Creativity*. The Journal of Creative Behavior, 42(2), 131–149.
- Zulkifly bin Yaakob (2007). IPTHO Pendidikan Muzik Prasekolah, Batu Pahat, Johor.